

Pelantikan saya amanah rakyat — PM

PM - 2 NOV 2003

Oleh SOPHA SULAIMAN
dan AZIMI MUSTAPHA

KEPALA BATAS 1 Nov. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri yang kelima bukan untuk kebesaran diri dan keluarga sebaliknya satu amanah rakyat yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

“Doakanlah agar saya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini demi untuk kebaikan seluruh rakyat,” katanya semasa berucap pada majlis sambutan kepulangannya di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kepala Batas di sini hari ini.

Kira-kira 10,000 hadir pada majlis tersebut yang turut menyaksikan ke-

hadiran para pemimpin parti komponen Barisan Nasional termasuk dari Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu dan Sabah.

Sambil berulang kali mengucapkan terima kasih dan menyatakan rasa terharu di atas sambutan orang ramai, Abdullah berkata:

“Saya sedar, kerjaya politik saya bermula di Kepala Batas sehingga dipilih menjadi wakil rakyat di sini.

“Kejayaan saya adalah hasil sokongan kuat penduduk Kepala Batas dan sejak itu saya meningkat setapak demi setapak hingga ke tahap sekarang,” katanya.

Beliau menjadi ahli Parlimen Kepala Batas sejak mula bertanding dalam pilihan raya iaitu pada tahun 1978 lagi.

“Sokongan yang kuat daripada ahli-ahli UMNO, MCA, MIC serta rakyat telah memulih dan membolehkan saya menyertai kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad,” ujarnya.

Abdullah berkata, walaupun beliau pernah menghadapi ‘kesusahan seketika’ tetapi sokongan padu daripada semua pihak telah memberi kekuatan kepada dirinya.

Malah kata Perdana Menteri, pelantikan beliau ke jawatan itu adalah hasil doa dan sokongan semua pihak termasuk penduduk Kepala Batas.

“Sokongan yang saya terima bukan kerana saya anak Ahmad Badawi dan cucu Abdullah Fahim tetapi kerana rasa kasih dan sayang tuan-tuan pada perjuangan parti,” tegasnya sambil melahirkan rasa terima kasih kepada Dr. Mahathir yang telah menamakan beliau sebagai pengganti Perdana Menteri serta mencadangkan nama beliau kepada Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua kerajaan.

Apa yang paling membahagiakan beliau, kata Perdana Menteri, ialah sokongan berterusan yang diterimanya setiap kali balik ke Pulau Pinang.

Kata Abdullah, walaupun selepas ini beliau mungkin tidak dapat selalu pulang ke Pulau Pinang, beliau akan memastikan pembangunan negeri ini terus berjalan lancar.